

Syarikat perumahan dinasihati turunkan harga kediaman

➔ Guan Eng mahu pemaju contohi REHDA Pulau Pinang manfaat pengecualian SST

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@nstp.com.my

✦ Georgetown

Syarikat perumahan di seluruh negara dinasihati menurunkan harga rumah susulan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) mulai 1 September lalu.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata syarikat perumahan wajar mencontohi Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Pulau Pinang yang menurunkan harga rumah antara enam hingga 10 peratus susulan pelaksanaan SST.

Guan Eng berkata, langkah REHDA Pulau Pinang menurunkan harga rumah antara enam hingga 10 peratus adalah bertepatan dengan inisiatif kerajaan memberi pengecualian SST bagi perkhidmatan pembinaan seperti diumumkan sebelum ini, sekali gus akan membantu lebih ramai rakyat memiliki rumah sendiri.

"Ini adalah langkah positif yang

diambil REHDA di negeri ini dan kita berharap mereka dapat memberi nasihat kepada ahli di seluruh negara untuk mengambil langkah sama. Ini juga sebagai usaha membalas usaha kerajaan yang memberikan pengecualian SST bagi perkhidmatan pembinaan yang mana harga rumah sepatutnya boleh turun.

Tak ambil kesempatan

"REHDA Pulau Pinang juga menunjukkan bahawa mereka adalah badan korporat bertanggungjawab kerana tak ambil kesempatan selepas menerima pelepasan cukai, sebaliknya menyalurkan semula kepada orang ramai," katanya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Penasihat Menteri Kewangan, Datuk Ooi Kok Seng dan Pengerusi Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) Pulau Pinang, Datuk Toh Chin Leong.

Terdahulu, Chin Leong mengumumkan, harga projek perumahan di Pulau Pinang yang bernilai RM300,000 ke atas akan diturunkan kepada 10 peratus, selari dengan pengecualian SST diberikan Kerajaan Persekutuan.

Selain itu, katanya, harga rumah mampu milik bernilai RM300,000 ke bawah pula akan turun kira-kira enam peratus dan terpakai kepada projek sedia ada atau projek baharu.

"Pemaju perumahan kini boleh menyerap kos itu selepas dikecualikan cukai selepas pelaksanaan SST yang mana cukai itu perlu dibayar ketika sistem Cukai Barang



dan Perkhidmatan (GST) sebelum ini.

“Kita juga mengalu-alukan pelaksanaan SST ini kerana di bawah GST, pemaju terpaksa menanggung kos tambahan dan dipindahkan kepada pembeli.

Lima jenama kereta turun harga

“Bagaimanapun, menerusi SST, beberapa komponen cukai berkaitan pembinaan dikecualikan dan ini membolehkan kita menurunkan harga rumah,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng berkata, sekurang-kurangnya lima jenama kereta mencatat penurunan harga hingga

RM3,000 bagi model keluaran masing-masing, impak daripada pelaksanaan SST.

“Penurunan ini membabitkan beberapa model kenderaan daripada jenama PERODUA, Honda, Toyota, BMW dan Volkswagen.


“Saya dapat makluman ada beberapa jenis kenderaan yang harganya lebih murah selepas pelaksanaan SST dan memang hasrat kerajaan untuk mengawal harga menerusi pelaksanaan cukai ini.

“Kita tidak kutip begitu banyak berbanding GST, harga barangan boleh lebih kurang (turun) dan ia juga dilaksanakan oleh kerajaan bagi menjamin kesejahteraan rakyat,” katanya.



Ini adalah langkah positif yang diambil REHDA di Pulau Pinang dan kita berharap mereka dapat memberi nasihat kepada ahli di seluruh negara untuk mengambil langkah sama”

Lim Guan Eng,
Menteri Kewangan




[FOTO HIASAN]

<p>Fakta nombor</p>	<p>10 PERATUS penurunan harga projek perumahan di Pulau Pinang bernilai RM300,000 ke atas</p>	<p>6 PERATUS penurunan harga projek perumahan di Pulau Pinang bernilai RM300,000 ke bawah</p>
--------------------------------	--	--



Pemaju perumahan sepatutnya menurunkan harga rumah selepas menerima pelepasan cukai susulan pelaksanaan SST.



12 Sep 2018

Berita Harian, Malaysia

Author: Muhammad Yusri Muzamir • Section: Nasional • Page: 2
Printed size: 501.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Item ID: MY0033721364

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 4 of 4

SUMMARIES

Guan Eng mahu pemaju contoh REHDA Pulau Pinang manfaat pengecualian SST

Georgetown Syarikat perumahan di seluruh negara dinasihat menurunkan harga rumah susulan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) mulai 1 September lalu. Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata syarikat perumahan wajar mencontohi Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Pulau Pinang yang menurunkan harga rumah antara enam hingga 10 peratus susulan pelaksanaan SST.